

Perolehan Hua Yang naik 67%

KUALA LUMPUR 26 Ogos – Kumpulan Hua Yang Bhd. (Hua Yang) mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 67 peratus kepada RM100 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 berbanding RM59.9 juta untuk tempoh yang sama tahun lalu.

Ketua Pegawai Operasi Hua Yang, Ho Wen Yan berkata, walaupun keadaan ekonomi tidak menentu, kumpulan telah mencatatkan jualan kukuh untuk projek-projek utamanya di

Johor, Perak dan Lembah Klang.

“Peningkatan 67 peratus perolehan ini adalah sebanyak RM40.1 juta. Kami menganggap keputusan yang baik ini berpunca daripada strategi kami yang menumpukan kepada seg-

men kediaman mampu milik.

“Jualan dalam segmen ini kekal kukuh, dengan projek-projek kami di seluruh negara turut menyumbang kepada hasil perolehan syarikat,” katanya.

Tiga projek utama syarikat yang telah menyumbang kepada keputusan positif kewangan Hua Yang melibatkan projek Taman Pulai Indah, Johor, yang mencatat jualan keseluruhan sebanyak RM464 juta manakala Bandar Universiti Seri Iskandar

dan Metro Pengkalan di Perak memperolehi jualan berjumlah RM 205 juta.

Di Selayang pula, pembangunannya yang membabitkan projek Symphony Heights turut mencatat-

kan jualan kukuh dengan 75 peratus daripada unit-unit telah dijual.

“Dengan pengalaman selama 31 tahun sebagai pemaju harta tanah di negara ini, kami yakin Hua Yang akan terus berusaha untuk mencapai prestasi lebih tinggi pada 2010.

“Kini, kami telah merekodkan peningkatan hasil sebanyak 25 peratus dalam suku pertama berakhir 30 Jun 2009,” katanya.

Hua Yang mempunyai projek-projek bernilai hampir RM1 bilion untuk disiapkan pada tahun ini dan kumpulan itu berhasrat untuk menjadi salah sebuah daripada 10 syarikat pemaju harta tanah utama di Malaysia.